

Headline	Pos Malaysia bantu kanak-kanak positif HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	19	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	150 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,913



## Pos Malaysia bantu kanak-kanak positif HIV

**BANTU.** Seramai 29 orang kakitangan Pos Malaysia Berhad yang dikenali sebagai PM15 mengadakan khidmat komuniti di Rumah Perlindungan Anak-Anak HIV Positif (Poshe) di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Penyelaras Program PM15, Zulfadhli Abdullah berkata, mereka mencari kelainan dengan mendekati kanak-kanak positif HIV itu kerana golongan tersebut kerap dipinggirkan berbanding anak-anak yatim.

"Kita akan cuba membantu sebaik mungkin dalam menyediakan keperluan untuk kanak-kanak tersebut supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dengan lebih sempurna dan gembira seperti kanak-kanak lain," katanya.

Selain aktiviti gotong-royong dan sesi motivasi, penghuni rumah tersebut turut dibawa bermain boling.

Hadir sama pada program tersebut ialah pengasas Poshe, Wan Hava Wan Hussin.



**SEBAHAGIAN** daripada kakitangan Pos Malaysia yang mengadakan program kemasyarakatan di Rumah Perlindungan Anak-Anak HIV Positif di Kuala Lumpur baru-baru ini.